

DBKL cadang bina sekolah konsep menegak

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bercadang membangunkan sekolah dengan konsep menegak, menempatkan bangunan dua blok dengan kapasiti antara 10 hingga 17 tingkat di sekitar pusat bandar raya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustafa berkata, syor itu bagi memenuhi keperluan

tanah terhad serta pertambahan penduduk di Kuala Lumpur.

Beliau berkata, cadangan berpandukan konsep diguna pakai beberapa negara maju itu akan dibincangkan bersama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi tujuan pelaksanaannya.

"Konsep ini digunakan secara meluas di Australia dan ia dibina secara kon-

vensional, merangkumi padang serta blok bangunan dipadatkan menjadikan sekolah dua blok antara 10 hingga 17 tingkat.

"(Pembinaan sekolah konsep menegak) ini (di buat) tanpa kita mengorbankan elemen penting dalam pelajaran, sukan dan rekreasi, selain ia memanfaatkan ruang atas bumbung," katanya pada sesi lisan di Dewan Rakyat, se-

malam.

Beliau menjawab soalan tambahan **Onn Abu Bakar (PH-Batu Pahat)** mengenai pembangunan kemudahan asas seperti dewan dan sekolah di sekitar Kuala Lumpur memandangkan keluasan tanah yang terhad.

Menjawab soalan asal, Dr Zaliha berkata, Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) belum bercadang memba-

ngunkan projek perumahan mampu milik di atas 84 lot tanah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) dengan keluasan 164.5 hektar.

Sebaliknya, beliau berkata, JWP sudah mengenal pasti 139 tapak dengan keluasan 1,228.95 hektar untuk pembinaan projek yang akan dibuat secara pembangunan semula pada masa akan datang.

Katanya, pembangunan itu akan dibuat seiring Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL2040) dan Draf Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040 (DPTKL2040).

"Bagi memastikan sasaran ini tercapai, Draf

PTKL2040 memperkenalkan Zon Guna Tanah Kediaman 4 (R4), iaitu zon khusus bagi pembangunan rumah mampu milik, termasuk perumahan awam, dengan keluasan 354.47 hektar.

"Perumahan mampu milik juga dirancang di zon pembangunan kediaman berintensiti tinggi, zon perdagangan dan zon pembangunan bercampur, dengan tambahan keluasan 253.39 hektar.

"Keluasan berpotensi ini untuk semua jenis kategori rumah mampu milik, tidak terhad kepada projek JWP-Residensi Madani dan Projek Rumah Wilayah Persekutuan (Rumawip) sahaja," katanya.